**PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG**
PARAS 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: http://ptg.penang.gov.my

Ruj. Kami : PTG/PM/WA/718/PELBAGAI VII(3)
Tarikh : 20 Jun 2022

Penang Bar Committee
No 4, Green Hall
**10200 PULAU PINANG**

REHDA Penang
Unit 6, 5th Floor
Axist Complex
35, Cantonment Road
**10350 PULAU PINANG**

Tuan,

**PERLANJUTAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH/ *HOME OWNERSHIP CAMPAIGN (HOC 2.0 PLUS)* DAN DASAR RANSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang telah melanjutkan Kempen Pemilikan Rumah/ *Home Ownership Campaign (HOC 2.0 Plus)* dan Dasar Ransangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 bermula pada 1 Julai 2022 dan akan berakhir pada 31 Disember 2022.

3. Sehubungan dengan itu, kempen tersebut telah menawarkan beberapa perkara kepada warganegara asing/ syarikat asing yang ingin memiliki hartanah di Pulau Pinang. Antara tawaran tersebut ialah:

i. Pengurangan harga had siling bagi pembelian hartanah yang dibenarkan untuk warganegara asing/ syarikat asing yang menandatangan perjanjian jual beli bertarikh antara 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja dikurangkan seperti jadual di bawah :

| Jenis Hartanah | Lokasi | Had Siling Semasa (RM) | Had Siling Baharu (RM) | Peratus Pengurangan |
|---|---|---|---|---|
| Hartanah Berstrata | Kawasan Pulau | 1,000,000.00 | **700,000.00** | **30%** |
| | Kawasan Seberang Perai | 500,000.00 | **400,000.00** | **20%** |
| Hartanah Landai | Kawasan Pulau | 3,000,000.00 | **1,500,000.00** | **50%** |
| | Kawasan Seberang Perai | 1,000,000.00 | **750,000.00** | **25%** |

ii. **Pengurangan Fi Permohononan sebanyak 50%** untuk warganegara asing/ yarikat asing yang menandatangan perjanjian jual beli bertarikh antara 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja seperti jadual di bawah:

| Jenis Permohonan | Kadar Semasa | Kadar Baharu |
|---|---|---|
| Kediaman | • RM10,000.00 per plot (individu)<br>• RM20,000.00 per plot (syarikat)<br>• RM2,000.00 per plot (PR) | • RM5,000.00 per plot (individu)<br>• RM10,000.00 per plot (syarikat)<br>• RM1,000.00 per plot (PR) |
| Perniagaan | • RM20,000.00 per plot (individu)<br>• RM40,000.00 per plot (syarikat)<br>• RM4,000.00 per plot (PR) | • RM10,000.00 per plot (individu)<br>• RM20,000.00 per plot (syarikat)<br>• RM2,000.00 per plot (PR) |
| Pertanian | • RM20,000.00 per plot (individu)<br>• RM40,000.00 per plot (syarikat)<br>• RM4,000.00 per plot (PR) | • RM10,000.00 per plot (individu)<br>• RM20,000.00 per plot (syarikat)<br>• RM2,000.00 per plot (PR) |

iii. **Pengecualian 100% bayaran kelulusan (levi)** akan diberikan kepada warganegara asing/ syarikat asing yang menandatangan perjanjian jual beli bertarikh di antara 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja.

4. Oleh yang demikian, mohon pihak tuan mengambil maklum akan perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FARULIZAM BIN CHE MEH)**
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

s.k

YB Tuan Jagdeep Singh Deo
Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat
Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 53, KOMTAR
**10503 PULAU PINANG**